

Pekerja asing akan dikenakan bayaran levi — Mahathir

KUALA LUMPUR 10 Julai — Kerajaan akan menimbang mengenakan bayaran levi terhadap pekerja asing di negara ini memandangkan mereka juga menikmati faedah pembangunan dan kemudahan awam yang disediakan, kata Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, jika pekerja asing dibayar gaji yang sama dengan pekerja tempatan dan majikan mereka membayar levi, ini bermakna mereka mendapat gaji yang lebih daripada pekerja tempatan.

"Keadaan itu tidak boleh diterima," kata beliau semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ke-6 (RM6) di Dewan Rakyat petang ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, bayaran levi ini juga membolehkan kerajaan mengesan penggunaan pekerja asing untuk menentukan tenaga kerja mereka digunakan dengan berkesan selaras dengan permintaan dan bekalan bagi pekerja berkenaan.

Selain itu, kata beliau, kerajaan akan mengkaji semula undang-undang dan peraturan berkaitan dengan penggunaan tenaga pekerja asing bagi memudahkan lagi proses kelulusan pengambilan mereka.

Perdana Menteri berkata, langkah tersebut bertujuan menambah pengambilan pekerja asing dalam usaha memenuhi keperluan yang mendesak terhadap tenaga kerja mahir dan tidak mahir di beberapa sektor ekonomi.

Sebagai permulaan, kata beliau, kelonggaran dalam penggunaan tenaga pekerja asing

adalah bagi tempoh dua hingga tiga tahun.

"Ini bagi membolehkan rakyat negara ini mempelajari kemahiran - kemahiran yang diperlukan, serta memberi masa yang cukup kepada pihak industri mengubahsuai teknik - teknik pengeluaran mereka supaya kurang menggunakan tenaga pekerja," jelas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir menambah, kerajaan juga akan

menirnbangkan permohonan daripada pasangan - pasangan pekerja asing untuk bekerja sementara di negara ini.

Bagaimanapun, menurut beliau, kerajaan akan menubuhkan satu mekanisme yang sesuai bagi mengawasi pengambilan mereka untuk mengurangkan penggunaan pekerja asing tanpa izin serta memastikan bahawa rakyat Malaysia terus diberi keutamaan dalam pekerjaan.